

# Dr. Mahathir kesal sikap Australia

24 NOV 1993

**K**UALA LUMPUR 23 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau kesal Australia sengaja membesar-besarkan isu ketidakhadirannya ke perjumpaan tidak rasmi pemimpin Persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik atau APEC di Seattle minggu lalu.

Kata Perdana Menteri, beliau tidak faham kenapa Australia begitu marah dengan tindakannya tidak menghadiri persidangan itu sedangkan ia berlangsung di Amerika Syarikat dan bukannya Australia.

“Saya kurang faham dengan sikap Australia yang kelihatan lebih marah daripada Amerika hanya kerana saya tidak pergi ke Seattle,” kata

beliau kepada para wartawan yang menemuinya di lobi bangunan Parlimen petang ini.

Dr. Mahathir berkata, jika beliau tidak menghadiri persidangan tersebut, itu adalah masalah Amerika tetapi wartawan Australia mencerca dirinya dengan panggilan yang tidak elok.

“Apakah jenis wartawan yang sanggup menggunakan perkataan buruk terhadap saya semata-mata kerana saya tidak pergi ke Amerika Syarikat,” katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas laporan-laporan akhbar Australia dan kenyataan Perdana Menteri negara itu, Paul Keating yang mengkritik beli-

■ Lihat muka 2 ✓

## Mahathir kesal sikap Australia

au (Dr. Mahathir) kerana tidak hadir pada persidangan APEC itu.

Beberapa akhbar Australia hari ini melaporkan kemarahan Keating semasa ditanya oleh para wartawan sebelum berlepas dari Seattle Ahad lepas sama ada ketiadaan Dr. Mahathir tidak meninggalkan kesan bagi APEC.

Keating berkata, beliau tidak mahu menjawab sebarang soalan yang berkaitan dengan Dr. Mahathir.

"Saya tidak tahu dan saya tidak peduli. Saya bosan menjawab soalan mengenai Dr. Mahathir.

"APEC lebih besar daripada kita semua ...Australia, Amerika Syarikat dan Malaysia dan Dr. Mahathir serta sesiapa sahaja yang keras kepala," kata Keating dalam laporan yang dipetik oleh AP.

Perdana Menteri berkata, adakah tindakan Australia bermakna setiap kali beliau dijemput, beliau mesti 'berlari-lari' ke Amerika Syarikat.

Dr. Mahathir berkata, adalah sukar untuk berbuat baik dengan Australia.

"Susah nak berbuat baik dengan mereka (Australia) ...nampak payah sebab mereka tidak ada adat... sebab itu saya kata mereka tidak mempunyai sifat Asia," tegasnya lagi.

Beliau menegaskan, kenyataan Australia bahawa mereka adalah negara Asia amat tidak bermakna sama sekali jika sanggup bersikap kurang sopan terhadap suatu pihak yang hanya tidak menghadiri sesuatu jemputan.

Ditanya apakah tindakan yang boleh diambil terhadap sikap Australia ini, Dr. Mahathir berkata:

"Kita tidak boleh buat apa-apa kalau mereka tidak ada adat ...kalau budak kecil kita boleh pukul ...kalau seluruh wartawan tidak ada adat ...susahlah ...nak buat apa lagi."

Perdana Menteri juga menarik perhatian bahawa sebagaimana lazimnya, Australia akan bertindak balas dengan segera jika Malaysia mengkritiknya.

### Anggapan

Mengenai anggapan Australia bahawa perjuangan APEC untuk menarik Malaysia menghadiri persidangan itu tidak bermakna, Perdana Menteri berkata, terpulanglah kepada negara itu untuk membuat sebarang tafsiran.

Dr. Mahathir berkata, Malaysia sejak awal lagi sudah menyatakan baha-

wa APEC tidak harus menjadi badan formal tetapi harus menjadi forum yang menumpukan perhatian kepada program dan projek.

"Tetapi sekarang nampak sudah lain," katanya.

Mengenai cadangan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Thong supaya APEC dimasukkan ke dalam Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA), Dr. Mahathir berkata, ia adalah satu perkembangan yang tidak diketahui akan kesannya.

"Kita kena kaji kalau APEC masuk dalam NAFTA kita harus juga menimbang peranan Kesatuan Eropah (EC) dalam NAFTA ...jika ini boleh dilaksanakan bermakna seluruh pasaran dunia berada dalam satu *command*," katanya.